



JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

DEPARTMENT OF MINERAL AND GEOSCIENCE MALAYSIA

Ibu Pejabat, Aras 9, Menara PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8871 6000
Faks : 03-8871 6145
E-mel : jmgkll@jmg.gov.my
Laman Web : <http://www.jmg.gov.my>

Ruj. Kami: JMG KLL: (PN)08/1 JLD. 6 (5)

Tarikh: 4 September 2023
18 Safar 1445H

Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Teknikal, Ipoh

Pengarah Kanan Pusat Penyelidikan Mineral, Ipoh

Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat

Pengarah-Pengarah JMG Negeri

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 5 TAHUN 2023

PROSEDUR PERKONGSIAN DATA SPATIAL JABATAN

1.0 TUJUAN

Surat Pekeling ini bertujuan untuk pemakluman tentang prosedur perkongsian data spatial Jabatan. Pemakaian prosedur ini akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian Jabatan sebagai usaha untuk memperkuuhkan agenda pendigitalan dan perkongsian maklumat.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Jabatan merupakan salah satu agensi pembekal data (APD) yang bertanggungjawab mencerap, mengumpul, mengemaskini dan membuat perkongsian data/maklumat mineral dan geosains negara.
- 2.2 Kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan sering diukur melalui keupayaan jabatan melaksanakan perkongsian maklumat dengan cekap kepada stakeholder dan pelanggan.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Kategori Data

Perkongsian data spatial boleh dibuat terhadap data mengikut kategori seperti berikut;

(a) Data Terbitan

Merujuk kepada data laporan yang telah diterbitkan dan perkongsian dibenarkan berdasarkan keperluan sebenar pemohon

(b) Data Dalam Kajian

Merujuk kepada data projek yang masih dalam kajian dan perkongsian boleh dipertimbangkan, tertakluk kepada keperluan semasa dan persetujuan penyelaras projek yang berkenaan

(c) Data Mentah

Merujuk kepada data yang belum dimanipulasi dan tidak digalakkan untuk perkongsian kecuali kes-kes tertentu yang perlu mendapat kebenaran Ketua PTJ

3.2 Harga Data Digital

Penetapan harga adalah berdasarkan kepada saiz data dalam ukuran megabait (MB) dan jenis produk yang dikeluarkan seperti dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah JMG Bilangan 1 Tahun 2011.

3.3 Pengecualian Bayaran

Pengecualian bayaran secara penuh atau sebahagian, boleh dipertimbangkan kepada perkongsian antara agensi kerajaan (G2G) dan institusi pendidikan (G2E). Walaubagaimana pun, ianya adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah JMG.

3.4 Pelaksanaan Sistem Permohonan Data Geospatial (E-Tiket)

Setiap permohonan data hendaklah dibuat melalui sistem E-Tiket yang disediakan melalui pautan <https://mygems.jmg.gov.my/> di portal Jabatan.

Pihak PTJ akan menerima notifikasi mengikut keperluan data oleh pihak pemohon yang memerlukan tindakan oleh PTJ yang terlibat.

Carta alir proses permohonan data melalui sistem adalah seperti yang ditunjukkan pada **LAMPIRAN A**.

3.5 Pembekal Perkhidmatan Agensi Kerajaan

Permohonan data oleh agensi kerajaan yang terlibat hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan pembekal perkhidmatan yang dilantik mematuhi Akta Rahsia Rasmi 1972.

4.0 PEMAKAIAN

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pusat, Cawangan dan Pejabat JMG Negeri adalah bertanggungjawab memastikan Surat Pekeliling ini difahami dan dipatuhi

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah


(DATUK P.Geol ZAMRI BIN RAMLI, F.I.G.M.)

Ketua Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

LAMPIRAN A

Carta Aliran Kerja Permohonan

